

# Pengembangan bahasa Malaysia untuk identiti Golongan tua bukan Melayu tidak perlu bimbang — PM

(P)

UM 2-2-1988

**K**UALA LUMPUR 1 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan golongan tua bukan Melayu bahawa mereka tidak perlu bimbang akan kehilangan identiti kaum masing-masing berikutan dengan usaha kerajaan mengembangkan bahasa Malaysia.

Perdana Menteri menjelaskan, langkah yang diambil oleh kerajaan itu hanya untuk mewujudkan identiti politik dengan bangsa Malaysia-nya sendiri.

"Oleh itu tidak ada sebab kita harus khawatir tentang kehilangan identiti etnik kita," tegas Perdana Menteri ketika melancarkan rancangan pemasyarakatan perpaduan di Dewan Mer-

deka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pagi ini.

Kira-kira 2,500 orang termasuk menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri hadir di majlis tersebut yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

Tambahnya lagi, usaha untuk mengembangkan bahasa Malaysia dibuat kerana telah dipersetujui waktu menerima kemerdekaan dulu untuk menerima negara ini sebagai Malaysia, bangsa sebagai bangsa Malaysia dan bahasa sebagai bahasa Malaysia.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan tidak berniat untuk menghapuskan mana-mana kaum di negara ini yang diberikan kebebas-

an untuk mengekalkan identiti masing-masing iaitu agama, bahasa dan kebudayaan.

Bagaimanapun, tegasnya, bahasa Malaysia akan dikembangkan untuk dijadikan bahasa perantaraan yang benar-benar berkesan dan ulung di negara ini, selepas satu generasi lagi.

## Faktor

Beliau mengingatkan kaum-kaum lain bahawa mereka tidak akan dijadikan sebagai orang Melayu hanya dengan mengakui dan menerima Malaysia, bangsa Malaysia dan bahasa Malaysia.

"Perkembangan penggunaan bahasa Malaysia juga dapat mengurangkan jarak antara kaum

walaupun faktor ekonomi dan persekitaran masih mengganggu hubungan," ujar Dr. Mahathir lagi.

Katanya, dari seni etnik kaum-kaum yang ada masih kekal sebagai Cina, India, Iban, Kadazan atau Murut dan menjadi bangsa Malaysia hanya sebagai identiti politik sahaja.

Bagaimanapun, tambahnya lagi dengan menerima identiti politik sahaja, tidak akan wujud bangsa Malaysia yang bermakna tanpa kesetiaan kepada negara serta mempunyai bahasa dan kebudayaan yang menentukan kita sebagai bangsa Malaysia.

Beliau juga percaya satu kebudayaan yang khusus bagi bangsa Ma-

laysia akan dapat diwujudkan sekiranya masyarakat negara ini dapat bercampur-gaul dengan lebih mesra serta dapat berhubung melalui satu bahasa.

"Masyarakat yang mempunyai satu negara, bahasa serta kebudayaan akan mempunyai identiti yang sama dan akan diiktiraf sebagai satu bangsa ke mana sahaja kita pergi," tambah Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri juga meminta supaya kegiatan kemasyarakatan yang terhad kepada satu kaum dikurangkan dan digantikan dengan kegiatan yang melibatkan semua kaum.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, matlamat kerajaan adalah untuk

mewujudkan bangsa Malaysia yang mudah dikenali tanpa menghapuskan unsur-unsur dan budaya kaum-kaum yang berlainan keturunan yang menjadikan Malaysia sebagai negara mereka.

Beliau yakin matlamat ini akan dapat dicapai dalam dua generasi akan datang ini sekiranya generasi tua tidak mem-

pengaruhi generasi muda dengan kebingungan mereka yang tidak berasas tentang kehilangan identiti kaum masing-masing.

Sebaliknya, tambah Dr. Mahathir lagi, matlamat itu akan dapat dicapai dalam masa yang lebih cepat lagi jika generasi tua menyedari dan menyambut baik usaha

ke arah perpaduan antara kaum dan secara aktif menjayakan pemasyarakatan perpaduan.

Tambahnya lagi, kempen pemasyarakatan perpaduan ini adalah untuk mempercepatkan proses pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Mengdnai perpaduan pula, Perdana Menteri berkata, kerajaan telah

menentukannya sebagai matlamat utama dalam usaha membangunkan bangsa dengan identitinya sendiri.

"Selaras dengan ini kerajaan sentiasa berwaspada serta memikirkan strategi dan perancangan tertentu untuk menghadapi masalah dan isu yang berkaitan dengan perpaduan nasional," ujarnya.